

- 3 Baca petikan dialog di bawah ini dengan telitinya. Petikan dialog tersebut mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog tersebut.

- Farha: Selamat pagi saya sampaikan kepada Puan Stella. Terima kasih kerana puan dapat meluangkan masa untuk diwawancara. Sejak belakangan ini, golongan remaja di negara kita suka melancong ke luar negara. Sebagai pegawai di Jabatan Imigresen, apakah perkara yang perlu dilaku oleh remaja sebelum melancong?
- Puan Stella: Selamat pagi, Saudari Farha. Terima kasih kerana sanggup mewawancara saya. Sebelum melancong ke luar negara, mereka perlu memiliki passport perjalanan yang sah dan tarikh tamat tempohnya adalah tidak kurang dari enam bulan. Selain itu, mereka perlu mengelakkan diri daripada melancong seorang diri kerana teramat berisiko sekali.
- Farha: Isu penipuan daripada agensi pelancongan sering berlaku. Bolehkah puan berikan sedikit nasihat kepada para remaja yang hendak melancong ke luar negara agar mereka tidak menjadi mangsa penipuan agensi pelancongan tersebut?
- Puan Stella: Sebelum memilih mana agensi pelancongan, setiap individu perlu meneliti latar belakang agensi pelancongan itu terlebih dahulu. Syarikat tersebut mestilah miliki lesen yang sah daripada MOTAC. Selain itu, mereka perlu membaca kandungan pakej pelancongan yang ditawarkan oleh agensi tersebut. Perlindungan insuran Takaful atau perjalanan perlu dibeli oleh mereka sebagai persediaan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini. Setiap perkara yang diterangkan oleh saya tadi perlulah dilakukan sendiri oleh mereka yang hendak melancong dan bukan dilakukan oleh pihak ketiga bagi mengelakkan penipuan.